



We will be conducting system maintenance from Thursday 9 February 2023, 11pm to Friday 10 February 2023, 12am. Patrons may experience intermittent connectivity to NLB websites during this period. Thank you for your understanding.

Persisi atur tiga ujian persiapan peserta

BERITA HARIAN, 11 June 2005, Page 42

Article also available on Microfilm Reel NL28285

Printer-Friendly Page

Persisi atur tiga ujian persiapan peserta

Dua ujian di luar negeri sebelum skuad untuk tempur di Manila dinamakan

MENJELANG SUKAN SEA oleh Yusoff A. Rahman

PERSEKUTUAN Pesilat Singapura (Persisi) telah mengatur tiga ujian

Salah satu daripada ujian itu akan diadakan di Indonesia.

Dalam lawatan tersebut, para pesilat Singapura

Demikian dijelaskan oleh Pengarah Teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yacoob, mengenai butir-butir ujian yang akan dihadapi oleh para pesilat negara sebelum rombongan Singapura memula-

bangsaan Singapura (SNOC) telah meminta kami mengadakan dua uji-

termasuk dua di luar negara sebelum menamakan skuadnya untuk bertempur dalam gelanggang Sukan SEA Manila pada Disember ini.

Rombongan Singapura seramai 44 pesilat termasuk 11 pegawai akan berlepas ke Indonesia hari ini untuk lawatan sehingga 27 Jun.

ra akan mengadakan perlawanan ujian di Jakarta, Bandung, Jogjakarta, Solo dan Bali.

Selepas ujian di Indonesia, para pesilat negara akan mengadakan ujian di tempat sendiri sebelum berangkat ke Vietnam untuk satu lagi ujian pada bulan depan.

kan lawatan ke Indonesia dengan menyertai ujian pertama di Jakarta.

"Majlis Olimpik Ke-

an sebelum menamakan senarai calon kami ke Manila.

"Tetapi kami memutuskan mengadakan ujian bukan sahaja di sini bahkan juga di luar negeri dalam usaha memastikan pesilat yang bakal mewakili negara di Sukan SEA Manila adalah yang terbaik," kata Sheik.

Antara pegawai yang turut mengikuti rombongan Singapura ialah Hidayat Hoani (ketua jurulatih), Asnadi Robani (penolong ketua jurulatih), Akhmad Radhiansyah Yuliadi (jurulatih nasional) dan Dzulfadly Mohamed Jaffar (pengurus pasukan).


Menjelaskan lebih lanjut tentang ujian ini, Sheik menambah: "Setiap pesilat akan terlibat dalam li-

ma perlawanan dan ini akan memberikan kami peluang untuk meninjau geraf kemajuan setiap pesilat. Antara pesilat yang turut mengikuti rombongan ini ialah bekas johan dunia, Abdul Kadir Ibrahim.

"Dalam ujian ini, kami boleh meninjau keadaan Kadir setelah pulih daripada menjalani pembedahan pada lututnya," beliau menambah.

Bagaimanapun, Sheik menarik perhatian seorang lagi bekas johan dunia, Zulkifli Ramli, tidak dapat mengikuti ujian tersebut kerana beliau telah mengalami kecederaan lagi.

"Abangnya, Noor Rafili yang sedang menjalani Perkhidmatan Negara tidak mendapat kelepasan untuk mengikuti rombongan ini," ujar Sheik selanjutnya.



KEMBALI BERAKSI: Bekas juara dunia, Abdul Kadir Ibrahim, menyertai semula skuad nasional selepas pulih daripada kecederaan lututnya.

foto fail